

# Debaran menjelang Konsert Pancaindera



IRMA  
HASMIE

**H**ANYA tinggal seminggu sahaja lagi sebelum Konsert Pancaindera menemui peminat di perkarangan Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan. Debarannya kian dirasakan apatah lagi kali ini konsepnya cukup berbeza jika dibandingkan sebelum ini.



HELIZA HELMI

Barisan artis yang dibawa juga sedikit lain. Malah penganjur membuka peluang kepada sesiapa sahaja untuk datang. Artis yang ditampilkan juga bukan calang-calang memandangkan semuanya cukup hebat dan tidak dicalit kontroversi yang memalukan.

Irma Hasmie Ibrahim akan bergandingan dengan Amin Idris. Kedua-duanya mempunyai ramai peminat apatah lagi mereka merupakan pengacara yang sedang naik daun yang mengemudi rancangan Assalamualaikum di stesen Al-Hijrah.

Yang lebih penting, Konsert Pancaindera ini diadakan sempena Pesta Konvokesyen Universiti Sains Islam



**1-4 Disember 2011**  
**10.00 pagi-10.00 malam**

Malaysia (USIM) yang bermula pada 1 hingga 4 Disember depan.

Manakala pada 3 Disember, bermula pukul 8.30 malam, penonton akan hiburan oleh artis-artis popular seperti Aishah, Heliza Helmi, Aiman dan ramai lagi yang telah mengesahkan kehadiran mereka.

Selain konsert, banyak lagi acara lain yang telah diatur oleh pihak penganjur termasuklah Karnival Explorasi Kerjaya (CAREX), gerai jualan, permainan dart, studio penghias wajah, karikatur, permainan siapa cepat, jualan runtuh produk Utusan, cabutan bertuah dan banyak lagi.

Antaranya pertandingan pula ialah pertandingan nasyid terbuka, pertandingan mewarna kanak-kanak, siaran langsung Gen-Y, auto show,

petting show, sesi ramah mesra bersama artis popular dan demo masakan bersama chef selebriti.

Pada hari terakhir Pesta Konvo akan berlangsungnya pula pertandingan akhir karaoke, pertandingan memancing terbuka (Tasik USIM), pertandingan futsal, pertandingan bola jaring dan banyak lagi.

Paling menarik sudah tentu pertandingan karaoke yang akan berlangsung di tempat yang sama pada 3 dan 4 Disember. Lebih 100 orang dijangka mengambil bahagian memandangkan borang-borang penyertaan sudah diedarkan sejak minggu lalu.

Pemenang tempat pertama akan membawa pulang hadiah berupa wang tunai RM1,000, tempat kedua RM800 dan ketiga RM500 dan beberapa hadiah suguhati.

Sesi saringan pertama akan berlangsung pada 3 Disember pukul 2 petang, sesi saringan kedua pada 4 Disember, pukul 10 pagi sebelum ke bahagian akhir yang dijadualkan bermula pukul 2 petang hari yang sama.

Setiap penyertaan hanya akan dikenakan yuran sebanyak RM5 dan peserta perlu membawa sendiri CD lagu yang akan mereka nyanyikan.

Kepada mereka yang berminat boleh menghubungi talian **03-89243934** atau **03-92210203** untuk maklumat lanjut.